



BERITA PKINK

بريتا
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

فريڊاين بڤما بڤوان اقنصاڤ نڤري كلنتن

Bil. 1/2008

Jan-Feb 2008

Muharram-Safar 1429

www.pkink.gov.my

edaran percuma

Perutusan Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK 1429 Hijrah

Beberapa perkara mengenai Kelantan disentuh oleh Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK dalam ucaptamanya sempena menyambut tahun 1429 Hijrah yang telah diadakan di Dewan Bunga Tanjung, Hotel Perdana, Kota Bharu pada 29 Zulhijjah 1428 bersamaan 8 Januari 2008, dengan memberi gambaran terhadap beberapa senario dan realiti yang terpampang di hadapan kita semua.

- i. Kelantan mempunyai potensi yang besar dalam bidang seperti Pertanian, Pelancongan, Minyak dan gas serta Pendidikan. Hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Kelantan sebagai Negeri Jelapang Makanan Negara perlu diambil berat dan disokong untuk menjayakannya.

lihat muka surat 3

**PKINK telah
dipertanggungjawabkan
untuk memajukan
ekonomi Negeri
Kelantan dalam bidang
yang berpotensi
sekaligus memajukan
ekonomi rakyat
Kelantan.**



SIDANG EDITOR

PENAUNG

YABrs. Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh

PENASIHAT

YBrs. Tuan Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

KETUA EDITOR

YBrs. Ahmad Nazri bin Ismail

EDITOR

En. Mohd Roslan Mohd Zain

PENOLONG EDITOR

Tengku Petra Tengku Wook

PENGARANG

Pn. Sofia Aizan Che Soh

Pn. Zakiah Mohamed

Pn. Hawa M. Salleh

JURUFOTO

Tengku Petra Tengku Wook

PERCETAKAN

ATH MARKETING SDN. BHD.

219712 K

D13, Jalan Bayam,

15200 Kota Bharu, Kelantan.

Tel: 09-7440955 Fax: 09-747 2415



Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK,

Jalan Tengku Maharani,

Peti Surat 142,

15710 Kota Bharu,

Kelantan Darulnaim

tel: 09-7414141 fax: 09-7414140/7414069

www.pkink.gov.my

Dari Meja Ketua Editor

Alhamdulillah, sama-sama kita panjatkan rasa syukur dan berlampir doa ke hadrat Ilahi kerana rahmat dan dan keberkahanNya yang melimpah ruah kita dapat terus melangkah ke tahun baru dan bertemu kembali dalam Berita PKINK Bilangan 1/2008.

Kita tinggalkan tahun 2007 & 1428 H tanpa mengimbau kenangan tapi segala kekurangan dan kelemahan yang telah kita lalui perlu dijadikan iktibar dan pedoman agar ianya boleh diperbetulkan malah menjadikannya sebagai penanda aras justeru kita akan lebih yakin dan bersedia untuk mengharungi cabaran tahun 2008/1429H dengan penuh yakin dan berwawasan.


PKINK sebagai agensi yang diberi tanggungjawab untuk membangunkan ekonomi negeri secara am dan bumiputera secara khusus perlu mengorak langkah dan melaksanakan strategi pembangunan dengan lebih terancang dan berkesan. Warga kerja PKINK perlu lebih agresif dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab agar mampu membuat lonjakan langsung mengubah beberapa kedudukan ke satu tahap yang lebih baik bagi:-

- i) Menurunkan kadar kemiskinan di Kelantan
- ii) Meningkatkan kadar pendapatan isi rumah

Untuk melaksanakan program dan mencapai pelbagai matlamat terutamanya dalam konteks membantu menurunkan kadar kemiskinan & meningkatkan pendapatan isi rumah tidaklah semudah yang terucap. Setiap anggota PKINK perlu memperluaskan diri dengan pelbagai kemahiran dan keupayaan menyelami serta melaikan permasalahan yang dihadapi dengan yakin pasti laluan kita akan jadi lebih mudah.

Setiap anggota PKINK perlu mengikis sikap makan gaji sebaliknya menjadikan diri sendiri sebagai usahawan yang sanggup merebut setiap peluang dan menerokai setiap bidang terutamanya yang boleh memberikan pulangan yang maksima. Untuk itu, setiap anggota adalah bertanggungjawab untuk memajukan diri dengan mengikuti pelbagai program peningkatan keupayaan sekaligus mengaplikasikannya semasa menjalankan tugas rutin harian. Dengan adanya ilmu di dada dan keupayaan perlaksanaan secara lebih praktikal akan menjadi kelebihan yang mempermudah laluan. Muhasabah diri dengan tekad untuk memperbaiki kelemahan pasti akan melonjakkan kita ke hadapan dengan tekad dan azam yang lebih kukuh agar kejayaan dan kegemilangan dapat sama-sama kita genggam.

* PENGGERAK PEMBANGUNAN UMMAH *



(dari muka surat 1)

- ii. Pihak Kerajaan telah meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada PKINK sebagai Agensi Kerajaan Negeri. PKINK telah dipertanggungjawabkan untuk memajukan ekonomi Negeri Kelantan dalam bidang yang berpotensi sekaligus memajukan ekonomi rakyat Kelantan.
- iii. Kesedaran untuk melaksanakan tanggungjawab Agama sesuai dengan tanggungjawab kita sebagai khalifah di muka bumi ini. PKINK perlu menjadi contoh dalam mentadbir ekonomi negeri ini mengikut amalan syariat Islam. Perlu menjadi amalan semua anggota untuk berpegang kepada prinsip Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan dalam semua tingkah laku dalam melaksanakan tugas.
- iv. Di samping itu, kita tidak juga boleh terpisah dengan arus perdana dalam pembangunan Negara. Kita tahu dalam Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER) memperlihatkan sejumlah RM112 billion akan dibelanja ke atas 227 projek dalam tempoh 12 tahun (sehingga 2020) dalam sektor-sektor yang diberi keutamaan seperti pelancongan, pertanian dan pendidikan, pembuatan dan minyak, gas dan petro chemical. Kadar pertumbuhan ekonomi di negeri-negeri ini perlu dipertingkatkan sekali ganda daripada Kadar Purata Kebangsaan sekarang bagi memastikan Wilayah ini dapat membangun setanding dengan wilayah pembangunan lain.
- v. Dunia perniagaan pada masa ini lebih mencabar terutama apabila kita melihat beberapa aspek atau contoh berikut :-
 - a. Pembukaan pasaran ekonomi baru dengan tenaga kerja yang banyak dan berkebolehan tinggi (China, India dan Vietnam).
 - b. Pendekatan Ekonomi yang lebih liberal dan Global (WTO, AFTA, NAFTA) yang mencabar kelebihan yang ada di negeri ini.
 - c. Perubahan teknologi yang pesat dan berterusan yang menyebabkan produk dan perkhidmatan baru sentiasa perlu dikemaskini.

Bagi memastikan PKINK terus relevan pada masa hadapan, semua cabaran tersebut perlu ditangani dengan baik dan sempurna. Sebagai sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam, untuk kesejahteraan ummah PKINK perlu terus maju dengan mensasarkan visi untuk lebih gah bukan sahaja sebagai sayap pelaburan Kerajaan Negeri tetapi juga sebuah government-linked conglomerate (GLC) yang berdaya untung dan berdayamaju. Salah satu agenda yang amat penting dalam pengurusan sumber manusia ialah untuk membina kepakaran dalaman organisasi, terutama dalam bidang perniagaan yang kita ceburi. Ini adalah bagi memastikan kepercayaan mereka yang berurusan dengan kita. Orang akan mengenali kita berdasar kepakaran, standard dan kualiti, terjamin selamat, harga yang berdaya saing dan berbagai sifat baik yang hanya ada pada kita.



Selain dari itu kita bercakap juga mengenai "putting the right people for the right job". Pengurusan PKINK dan syarikat pada masa ini sedang melatih tenaga baru. Pengurusan alaf baru juga mengamalkan konsep ofis terbuka. Konsep ini bukan sahaja mengurangkan "barrier" antara pengurusan dan anggota tetapi ianya juga memastikan "everyone can keep an eye on each other and see what they are up to"

Budaya korporat serta minda bisnes perlu diterapkan disetiap peringkat. Pengurusan juga perlu mewujudkan sikap keusahawanan di kalangan anggota, bukannya sikap makan gaji. Tawarkan perkongsian keuntungan untuk projek-projek baru yang dicadangkan. It will lead to change of mindset. Ini akan memastikan yang mereka meletakkan kepentingan syarikat ditempat teratas, lantas menggunakan segala kreativiti, usaha dan tenaga dalam menjayakan projek tersebut.

Pengurusan PKINK bersedia menimbang pemberian bonus untuk syarikat-syarikat yang menjana keuntungan besar berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan, contohnya revenue and growth, KPIs dan benchmark against companies standard. KPI ini bukan kepada syarikat tetapi seharusnya dipanjangkan kepada semua anggota, dan ianya hendaklah boleh diukur dengan jelas bagi memastikan sistem reward dan punishment dapat berjalan dengan adil.

Dalam menghadapi suasana pengurusan di abad ini Ketua Eksekutif mencadangkan beberapa tips semoga ianya akan menjadi panduan kepada semua;

- a. Get Connected
Syarikat sepatutnya setiap masa boleh di hubungi melalui laman web kerana pada zaman ICT ini ianya merupakan perantara utama dengan pelanggan. And please make things simple, easy and real. So make sure its impressive. Wujudkan hotline/email dimana pelanggan boleh mengutarakan sebarang komen/cadangan/masalah.
- b. Get out of your comfort zone
- c. Invent yourself
- d. Take risks

Sebagai pemegang saham utama, PKINK sewajarnya mahukan pulangan atas setiap ringgit yang dilaburkan dalam syarikat. Tetapi PKINK juga amat peka akan keperluan syarikat untuk memantapkan lagi operasi syarikat. Walaubagaimanapun, justifikasi yang kukuh adalah satu kemestian kerana PKINK pernah membuat kesilapan dan PKINK perlu belajar dari kesilapan tersebut. Make sure you always have a Plan B.

Dalam bidang hartanah, strategi untuk memantapkan tabung tanah Kumpulan, bukan sahaja untuk pembangunan hartanah malah untuk pertanian dan perladangan. Ini adalah kerana tanah perladangan hari ini boleh menjadi bandar baru dalam tempoh 10 tahun akan datang, sebagaimana yang dilakukan oleh IOI. Ianya boleh ditanam semula dengan plantation crops sementara ianya boleh dibangunkan sepenuhnya. Kalau dulu PKINK memfokuskan kepada pembangunan bandar baru iaitu Desa Darulnaim, Desa Kemumin dan Taman Kurnia Jaya, ini adalah kerana tanah adalah murah pada masa itu. Sekarang tanah semakin mahal, justeru itu PKINK perlu menerokai segmen high-end. Aim for high Gross Development Value, sekurang kurangnya RM2.0 juta seekar and profit of 24% from revenue.

Dengan kewujudan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) serta kemasukan pelaburan-pelaburan baru seperti Pantai Medical Centre, disamping pelaksanaan ECER akan mewujudkan Generasi Y di Kelantan. Generasi Y merupakan golongan berkarier, aktif dan peka yang lebih mementingkan kualiti dan functionality, easy to maintain, bukannya keluasan build-up area. Mereka mendambakan kemudahan seperti wireless connection, security, clubhouse dan gym. Peluang-peluang ini semestinya diambil sebaik mungkin oleh Kumpulan PKINK

PKINK dan syarikat kumpulan juga perlu memasarkan community living. Pembangunan yang dijalankan mestilah sesuai dengan persekitaran semasa serta potensinya di masa akan datang. Wujudkan kemudahan-kemudahan asas yang boleh menyumbang kepada pembangunan komuniti. PKINK perlu bergerak sebagai satu kumpulan besar, satu jenama yang gagah. Malaysia korporat hari ini menyaksikan pelbagai aktiviti streamlining dilakukan. Malah syarikat-syarikat gergasi turut bersatu untuk bersaing di era globalisasi sebagaimana 8 syarikat dibawah Kumpulan Sime Darby, Golden Hope dan Guthrie menjadi satu jenama Sime Darby yang merupakan syarikat perladangan terbesar di dunia serta pemaju hartanah yang terbesar di rantau ini.

Syarikat-syarikat Kumpulan PKINK juga perlu bersatu, mungkin tidak secara teknikal, tetapi bersatu dari sudut roh. Contohnya syarikat hartanah dan pembinaan perlu berganding bahu untuk menentukan modal kos dan keuntungan yang memberikan pulangan terbaik kepada kumpulan, bukannya bersaing sesama sendiri.

Dari sudut perladangan, Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd telah mampu melonjakkan diri dengan keuntungan hampir mencecah RM20 juta. Walaubagaimanapun, yield-per-hacter pada masa ini iaitu 18mt masih dibawah pendahulu industri iaitu IOI dan United Plantation yang masing-masing mencatatkan 26.7 and 27.8 (FFB yield metric tan per hacter). Ketua Eksekutif merasa yakin, apabila profile umur pokok semakin matang, SLST mampu mensasarkan KPI yang lebih tinggi, paling tidak setanding purata Kumpulan Sime Darby iaitu 21.8.

Syarikat-syarikat Kumpulan PKINK juga boleh mengembangkan operasi melalui "highly focussed acquisition" kerana organic growth memakan masa yang lama dan tidak market-driven contohnya UB Consult boleh mengambil-alih syarikat-syarikat kecil bagi meluaskan lagi income base serta mempelbagaikan aktiviti berkaitan.

Kumpulan PKINK juga jangan gentar dengan tindakan pengurusan menjual aset-aset yang dahulunya merupakan the jewel of the crown. Syarikat-syarikat korporat Malaysia turut mengamalkan healthy disposals of non-core assets apabila ianya tidak lagi dapat komplimen operasi kumpulan secara keseluruhan atau syarikat induk tidak mampu lagi untuk menyuntik dana kedalamnya. Adalah lebih baik fokus diberikan kepada aktiviti-aktiviti teras dan membenarkan pihak lain yang benar-benar berkemampuan untuk run the show and realize the assets full potential.



Dengan kerjasama dari Kementerian dibawah Skim Jejak Jaya Bumiputera, iaitu satu program untuk menyenaraikan syarikat-syarikat yang cemerlang milik PKEN di BSKL, dua syarikat anak PKINK telah dicadangkan iaitu SLST dan Permodalan Kelantan Berhad. Program ini adalah untuk unlock the value of these businesses dengan anggapan bahawa kewujudan mereka sebagai satu entiti adalah lebih besar daripada menjadi sebahagian dari sebuah consolidated business.

Kumpulan PKINK perlu mempunyai satu coordinated and aggressive strategy to market ourselves as a group. Sebenarnya banyak konsep-konsep baru yang dicetuskan oleh syarikat-syarikat anak seperti konsep mikro kredit ArRahn, pusat rawatan Islam AnNisa' serta beberapa konsep pembangunan hartanah yang sedang dan akan dijalankan contohnya Kelantan Trade Centre. Kita juga banyak melakukan aktiviti CSR samada secara langsung atau tidak langsung. We have the right goods to sell, now we have to come up with great stories to tell. Sebagaimana ucapan penutup YAB Tuan Guru Dato' MB semasa Sesi Brainstorming Lembaga Pengarah baru-baru ini, PKINK perlu membuat bungkusan baru agar sentiasa menarik minat masyarakat. Ketua Eksekutif beranggapan, bukan sahaja packaging yang perlu ditambahbaik tetapi the whole offering should continuously be improved agar PKINK sentiasa relevan dimata masyarakat. Kita juga seharusnya tidak menerima nasib yang sama sebagaimana cerita arab dan kura-kura.

Untuk tahun 2008, PKINK mensasarkan keuntungan kumpulan sebanyak RM43.972 juta dimana fokus akan terus ditekankan kepada 3 sektor utama iaitu Sektor Perladangan, Sektor Perkhidmatan dan Sektor Hartanah. Program-program pemerksaan akan sentiasa dilakukan kepada ketiga-tiga sektor ini yang pada masa ini menyumbang 88% kepada keuntungan kumpulan. Lain-lain sektor iaitu Perkayuan, Pertanian, Pelancongan dan Sumber Galian hanya menyumbangkan 12%. Walaubagaimanapun, sektor-sektor ini akan terus dirasionalisasikan dan dikonsolidasikan agar kekal relevan kepada Kumpulan PKINK.

Untuk terus berdaya untung dan berdayasaing, syarikat-syarikat Kumpulan PKINK perlu adopt the Blue Ocean strategy. Jangan cuba berenang di red ocean yang telah dibanjiri oleh pesaing-pesaing. Contohnya pengeluaran roselle oleh Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad, tiada gunanya bersaing secara head-on dengan Ribena... create a niche...emphasis on halal. Kita juga jangan complacent dan overconfident, InfraQuest bakal mencatatkan RM4.24juta dalam tahun 2008. Walaubagaimanapun, syarikat perlu sentiasa peka dengan perkembangan teknologi semasa..contohnya kebangkitan WIMAX dan Mobile Virtual Network Operators (MVNO). Sebagai sebuah conglomerate, Kumpulan PKINK perlu mengukuhkan dan meningkatkan nilai untuk aktiviti-aktiviti teras di samping merasionalisasikan aktiviti-aktiviti lain. InshaAllah segala perakuan yang telah kita perakukan dalam branstoming akan dijadikan panduan perancangan dan akhirnya dilaksanakan dengan jayanya....it is now about execution, execution and execution.



Dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan semua anggota samaada di ibu pejabat atau di syarikat-syarikat perlu faham mengenai peranan masing-masing. Semuanya saling membantu antara satu sama lain. Bahagian-bahagian di ibu pejabat bertanggungjawab menyediakan persekitaran yang kondusif, merancang secara strategik dan memberi segala khidmat sokongan bagi melaksanakannya secara perniagaan di syarikat-syarikat. Ketua Eksekutif menggariskan secara khusus tanggungjawab yang harus dimainkan oleh semua bahagian di Ibu pejabat iaitu;

- i. Aspek perancangan projek yang mementingkan viability perniagaan
- ii. Memberi penumpuan kepada aspek pengesanan dan pemantauan projek dan perkembangan perniagaan syarikat
- iii. Memaksimakan 'Value dalam Core Business.
 - improve competitive advantage
 - improve productivity level
- iv. Mempertingkatkan peluang pelaburan yang berkaitan dengan core business

Bak kata pepatah SETINGGI-TINGGI SI MATAHARI, TINGGI LAGI HARAPAN DI HATI. Saya meletakkan harapan yang tinggi kepada semua anggota PKINK dan syarikat kumpulan yang melibatkan semua peringkat daripada pengurusan tertinggi hinggalah kepada anggota bawahan. Marilah kita sama-sama mengamalkan falsafah hidup dan kerja :

- Bekerja kerana Allah
- Sentiasa berselawat
- Sentiasa bersyukur dan jujur
- Jangan tinggal solat
- Sentiasa berzikir
- Menjadi orang kaya yang beriman dan
- Menjaga amanah

INFO USAHAWAN




NATIKA GOLD & JEWELLERIES SDN BHD

Setiap pengunjung yang datang ke Negeri Kelantan tidak akan ketinggalan untuk mengunjungi Bazaar Buluh Kubu yang terletak di Jalan Temenggong, bersebelah Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu.

Antara kedai yang tersohor di dalam Bazaar adalah Natika Gold & Jewelleries Sdn Bhd yang terletak di No 27 & 33, Tingkat 1, Bazaar Buluh Kubu, Kota Bharu yang mana dimiliki oleh Puan Che Nasiah Omar dan keluarga. Beliau yang memulakan perniagaannya pada tahun 1985 hingga sekarang mempunyai kakitangan seramai 7 orang. Antara barangan yang terdapat di kedainya adalah Batik Exclusive, Songket, Barang Kemas, Kain Selendang dan pelbagai lagi jenis kain.

Kedai beliau banyak dikunjungi orang-orang kenamaan, antaranya ialah isteri Perdana Menteri iaitu Datin Seri Jeane Abdullah, isteri Timbalan Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansur, dan VVIP yang lain.

Jika anda mengunjungi ke Kelantan jangan lupa singgahlah di Bazaar Buluh Kubu dan semestinya akan tertarik dengan keunikannya.



KPI juga turut disertai ahli Lembaga Pegarah

Ketua Eksekutif dan Timbalan turut serta pada sesi KPI tersebut

PEMBENTUKAN 'KEY PERFORMANCE INDICATORS' (KPI) SYARIKAT LADANG SUNGAI TERAH SDN BHD (SLST)

Bagi merealisasikan hasrat PKINK, SLST menetapkan objektif untuk melaksanakan KPI diperingkat syarikat bermula tahun 2008. Susulan dari itu perunding telah dilantik iaitu BPM Consulting Sdn. Bhd. yang beribupejabat di Kuala Lumpur yang berpengalaman luas dibidang ini.

Sesi pertama telah berjalan lancar yang diadakan pada 29, 30 dan 31 Januari 2008, bertempat di Hotel Perdana, Kota Bharu. Sesi ini turut disertai oleh pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan Syarikat serta Pengurus Perancangan Korporat PKINK.

Beberapa sesi lagi akan diadakan untuk pembentukan KPI ini dan dijangka KPI syarikat akan terbentuk sepenuhnya dalam tempoh 6 bulan.

KPI ini akan menjadi satu ukuran untuk menilai prestasi syarikat dan kakitangan agar ianya setanding dengan syarikat-syarikat perladangan maju yang lain

SEMINAR DAN BENGKEL PENGWUJUDAN USAHAWAN BENGKEL MOTOSIKAL


Pihak MeCD dengan kerjasama PKINK telah menganjurkan program penyelenggaraan motor dan perkhidmatan rantaian nilai (MOSVAC) peringkat Negeri Kelantan pada 27 - 28 Februari 2008 di Dewan Bunga Tanjung, Hotel Perdana Kota Bharu. Program ini bertujuan bagi mewujudkan bengkel motosikal milik usahawan bumiputera dan juga mengenalpasti serta melantik pengedar alatganti motosikal. Golongan sasar terdiri dari pengusaha bumiputera bengkel motosikal dari seluruh negeri bagi memastikan rantaian usahawan tersebut wujud di setiap jajahan.

Syarikat Samata Industries Sdn Bhd yang merupakan sebuah syarikat pengeluar alatganti yang berpangkalan di Pulau Pinang akan bekerjasama dengan pihak MeCD dalam bidang latihan pengurusan dan pembiayaan dari Tekun, SME Bank serta MARA sebanyak RM30,000 - RM50,000. Kilang pengeluaran alatganti yang sedang dibina di Pasir Gudang bakal dijadikan kilang serta gudang utama syarikat bagi menggantikan kilang sedia ada di Teluk Intan dan gudang di Shah Alam.

Seminar ini telah diadakan di beberapa buah negeri dan akan diteruskan di setiap negeri bagi mencapai sasaran pengwujudan 3,000 bengkel motosikal milik bumiputera pada tahun 2009 nanti. Sehingga November 2007, sebanyak 600 bengkel telah dikenalpasti untuk dibangunkan.

Seramai 150 peserta menyertai seminar dan bengkel yang telah dianjurkan oleh PKINK di peringkat negeri Kelantan.

SEMINAR DAN BENGKEL PENGWUJUDAN USAHAWAN BENGKEL MOTOSIKAL



Lawatan Kelab Kebajikan & Sosial MeCD Ke Kelantan

1 Februari 2008, Rombongan Kelab Kebajikan dan Sosial Bahagian Pengurusan MeCD telah dirai PKINK di satu majlis makan malam di Perdana Resort, Kota Bharu. Rombongan yang terdiri dari anggota bahagian Pengurusan MeCD bersama keluarga berkunjung ke Kelantan mulai 1 hingga 3 Februari 2008. Rombongan telah diraikan dalam satu majlis makan malam di Perdana Resort PCB, Kota Bharu. Turut hadir, En. Ahmad Nazri Ismail, Pengurus Sumber Manusia PKINK pegawai-pegawai PKINK serta Ahli Jawatankuasa Induk KSK PKINK.

Rombongan seramai 40 orang itu diketuai oleh En. Ariffin Shamsuddin Pengurus Bahagian Pengurusan MeCD. Antara tempat yang menjadi destinasi lawatannya ialah disekitar Bandar Kota Bharu, Wakaf Che Yeh dan juga Rantau Panjang. Rombongan bertolak pulang pada 3 Februari 2008 dan dijangka singgah di Kuala Terengganu.



Hijratul Rasul Menjana Ummah Bertaqwa

23 Jan 2008 - Ceramah Hijratul Rasul 1429 / 2008 telah di sampaikan oleh YB Senator Puan Mumtaz Mohd Nawi di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK. Tajuk ini dipilih bagi menyesuaikan dengan gerakkerja PKINK sebagai agensi pelaksana dan penggerak pembangunan ummah yang berteraskan konsep Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan.

Hijrah adalah amat penting di dalam konteks perjuangan Islam, bukan sekadar berhijrah dari Kota Mekah ke Kota Madinah sahaja, ianya membawa pengertian yang amat mendalam. Apa yang kita lakukan hari ini mestilah lebih baik dari semalam, dan apa yang kita lakukan esok mestilah lebih dari hari ini, inilah yang akan diberi penekanan pada hari ini. Sebagai agen pelaksana, adalah menjadi tanggungjawab yang besar di PKINK untuk melaksanakan apa-apa yang telah diputuskan baik di Dewan Negeri mahupun di Parlimen. Negeri atau Negara tidak cukup mempunyai Pemimpin yang baik sahaja, pegawai-pegawai yang melaksanakan dasar juga mestilah seorang pegawai yang baik, barulah rakyat yang menerima dapat menikmati apa yang sepatutnya.

Di dalam Islam setiap amalan adalah dimulai dengan niat, begitu juga dengan setiap pelaksanaan yang perlu dibuat mestilah ada target. Target inilah yang akan menjadi sasaran kita. Sebagai orang Islam target utama kita ialah mencari keredaan Allah dan syurganya, sebab itulah syurga diceritakan oleh Allah SWT dengan jelas di dalam al-Quran agar ianya akan menjadi impian semua manusia, kerana memang sikap manusia suka kepada kemewahan dan keselesaan. Sebab itulah kita sebagai orang Islam berbeza dengan orang bukan Islam, segala pencarian kita di muka bumi ini tidak boleh diambil mudah kerana ada tanggungjawab lain selain dunia iaitu akhirat.



Selama 10 tahun Islam tersebar di Kota Mekah, tumpuan dakwah Rasulullah SAW adalah kepada akidah, kemudiannya selepas berpindah ke Kota Madinah, sudah sampai masanya pelaksanaan. Kita telah lama sebagai orang Islam, sepatutnya tumpuan kepada pelaksanaan dasar Islam berjalan dengan baik dan sempurna.

Salah satu sebab mengapa Rasulullah SAW dibenarkan berhijrah ialah kerana kematian isteri Baginda. Di sini menggambarkan betapa peranan isteri adalah amat penting di dalam sama-sama memperjuangkan Islam, salah satu tonggaknyanya telah tiada. Semasa Baginda Rasulullah SAW mula-mula menerima Wahyu, orang yang pertama diceritakannya ialah Siti Khadijah, isteri Baginda. Islam begitu mengambil cakra perjuangan dan pengorbanan wanita, sehinggakan diwujudkan undang-undang harta sepencarian untuk isteri walaupun isteri tersebut tidak bekerja.

Kematian bapa saudaranya, Abu Talib juga telah menjadi salah satu faktor mengapa Rasulullah SAW dibenarkan berhijrah. Semua maklum, Abu Talib walaupun bukan seorang Islam tetapi memainkan peranan yang besar di dalam membantu Nabi Muhammad SAW di dalam penyebaran syiar Islam. Oleh itu peranan orang bukan Islam boleh juga dimanfaatkan untuk perjuangan Islam, di mana Rasulullah SAW sendiri pernah bersandarkan kepada bapa saudaranya itu di dalam dakwahnya.

Kita juga maklum, bagaimana Rasulullah semasa berpindah dari Kota Mekah ke Kota Madinah, turut sama ialah para sahabat yang terdiri dari berbagai golongan, ada yang mahir berniaga, mahir dalam peperangan, ahli bijak pandai dan pelbagai lagi. Tidak sampai tiga tahun berada di Kota Madinah, yang mana sebelum ini ekonomi Kota Madinah dikuasai orang Yahudi, kini telah bertukar tangan kepada orang-orang Islam, dan kerajaan Islam telah terbentuk dengan kukuhnya sehingga digeruni musuh-musuh Islam.



MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH TERES SATU TINGKAT FASA 4B TAMAN KURNIA JAYA

25 Februari 2008, satu majlis penyerahan kunci kepada pemilik 102 unit Rumah Teres Satu Tingkat Fasa 4B, Taman Kurnia Jaya telah diadakan di kawasan perumahan tersebut. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Haji Mohd Amar Nik Abdullah Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pendidikan, Sains dan Teknologi.

Projek yang bernilai RM8.0 juta ini telah dimajukan oleh Syarikat Profil Impian Sdn Bhd, salah sebuah syarikat milik PKINK. Sehingga kini syarikat tersebut telah berjaya membangunkan sebanyak 800 buah rumah di Taman Kurnia Jaya yang berkeluasan 98 ekar.

Dalam tahun 2008 syarikat akan membangunkan 10 unit rumah kedai 2 tingkat, di mana jualan setiap unit adalah bermula dari RM300,000 seunit. Ianya bertujuan bagi memudahkan penduduk setempat mendapatkan keperluan mereka di samping memberi peluang perniagaan kepada usahawan Bumiputera. Dalam tahun ini juga syarikat akan mendirikan 178 unit Rumah Teres Dua Tingkat (Fasa 5). Bakal pembeli akan ditawarkan dengan lima jenis rekabentuk terbaru.

MAJLIS PECAH TANAH PROJEK PERUMAHAN TAMAN SPP PERMAI, KUBANG GATAL, PASIR MAS.



Projek Taman SPP Permai merupakan salah satu projek perumahan yang dimajukan oleh SPP Development Sdn. Bhd, anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Projek ini yang bernilai RM9.6 juta merangkumi komposisi pembangunan 22 unit Rumah Banglo 1 tingkat, 11 unit Rumah Teres 2 Tingkat dan 37 unit Rumah Teres 1 Tingkat dengan harga jualan setiap unit yang kompetitif berbanding dengan pemaju lain terutamanya pemaju bukan bumiputera. Projek ini dijangka akan dimulakan pada bulan April 2008 dan dijangka siap pada Disember 2010.



Projek yang dibangunkan oleh Kumpulan PKINK ini adalah bertujuan bagi menyediakan perumahan kos sederhana mampu milik oleh semua lapisan rakyat Kelantan dengan rumah yang berkonsepkan 3-4 bilik yang bersesuaian dan menepati citarasa masyarakat yang memenuhi ciri-ciri dan kehendak Islam.

SPP Development memfokuskan kepada perumahan mampu milik dari golongan berpendapatan sederhana dengan rekabentuk perumahan adalah bercirikan senibina 'resort'. Konsep perumahan ini ialah mewujudkan kawasan perumahan yang mendamaikan dengan suasana perkampungan yang segar dengan rimbunan hijau. Berdasarkan konsep ini, projek perumahan ini dinamakan "Taman SPP Permai".

Ini selaras dengan hasrat dan dasar Kerajaan Negeri melalui anak syarikat PKINK dalam membantu menyediakan ruang kediaman atau perumahan mampu milik yang selesa dan harga berpatutan untuk semua golongan rakyat Kelantan. Usaha ini juga adalah selaras dengan dasar Kerajaan Negeri dalam menyediakan kediaman sekurang-kurangnya 3 bilik kepada rakyat Kelantan.

Menjadi tanggungjawab PKINK dan anak-anak syarikatnya sebagai agensi pembangunan ekonomi negeri sebagaimana yang telah diamanahkan oleh pihak Kerajaan, dalam merancang dan melaksanakan program-program pembangunan dan projek-projek perumahan untuk rakyat Kelantan. Pembangunan yang dijalankan ini adalah bagi memenuhi keperluan rakyat negeri ini selaras dengan misi dan visi PKINK untuk membangunkan ekonomi negeri Kelantan berlandaskan prinsip-prinsip Islam untuk kesejahteraan ummah dan masyarakat negeri Kelantan.

Untuk masa hadapan, kumpulan PKINK merancang dan akan melaksanakan beberapa projek perumahan baru di beberapa buah jajahan di negeri Kelantan, iaitu di Kota Bharu, Bachok, Tok Selehong Tumpat, Gual Periook Pasir Mas, Padang Selising Machang, Sungai Durian Kuala Krai, Pasir Genda Tanah Merah dan Jeli.



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2006

Pada 25 Februari 2008 bersamaan 18 Safar 1429 bertempat di Dewan Bunga Tanjung Hotel Perdana, Kota Bharu, satu majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Anggota PKINK 2006 telah diadakan. Seramai 12 anggota PKINK telah diiktiraf perkhidmatan cemerlangnya oleh pihak Pengurusan.

Di samping penganugerahan perkhidmatan cemerlang, majlis juga diadakan sempena keraian anggota yang bersara. Senarai nama penerima anugerah tersebut ialah:

Bil.	Nama	Jawatan	Bahagian	Mula berkhidmat dengan PKINK
1.	Ahmad Nazri bin Ismail	Penolong Pengurus	Projek Khas	7 November 1994
2.	Nor Azuwan bin Saleh	Penolong Pengurus	Audit Dalam & Naziran	17 Julai 2004
3.	Mohd Rozi bin Mohd Noor	Pen. Pegawai Tadbir	Audit Dalam & Naziran	2 November 1982
4.	Nik Ayub bin Nik Him	Pen. Pegawai Tadbir	Industri & IKS	2 Mei 1982
5.	Hawa binti Saleh	Pen. Peg. Teknologi Maklumat	Pengurusan Sistem Maklumat	15 April 1985
6.	Mohd Asiff bin Mohd Idris	Pemb. Tadbir Kanan	Kewangan	1 Julai 1980
7.	Zalili binti Sidik	Pembantu Tadbir	Industri & IKS	15 Oktober 1997
8.	Wan Zuwaibah binti Wan Isa	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	Pejabat Ketua Eksekutif	2 September 2004
9.	Nor Asiah binti Wan Isma'ail	Pembantu Tadbir	Perancangan Korporat	1 Januari 1997
10.	Che Mustapha bin Wan Omar	Pemb. Rendah Am	Projek & Hartanah	6 Ogos 1981
11.	Che Ab. Aziz bin Che Abdullah	Pemandu	Pejabat Ketua Eksekutif	15 Sept. 1982
12.	Nik Yahya bin Nik Mat	Pemandu	Pengurusan Sumber Manusia	1 Ogos 2002



Berdiri mulai dari kiri: Wan Zuwaibah, Zalili, Che Aziz, Che Mustapha, Mohd Asiff, Nik Yahya, Nor Asiah, Hawa
Duduk dari kiri: Nik Ayub, Nor Azuwan, Wan Adnan TKE (HEK), Wan Yahya KE, Mohamed Alwi TKE (P&P), Ahmad Nazri, Mohd Rozi

BERITA ANGGOTA

Pertukaran anggota di Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

	NAMA	MULAI	DARIPADA	KEPADA
	Haji Mohamad Alwi b. Ya	13.11.2007	Pengurus Pembangunan Usahawan	Timbalan Ketua Eksekutif (P&P)
	En. Mohd Fauzi b. Hj. Taib	15.1.2008	Pengurus Pengurusan Sumber Manusia	Pengurus Pembangunan Usahawan
	En. Ahmad Nazri b. Hj. Ismail	15.1.2008	Penolong Pengurus Projek dan Hartanah	Pengurus Pengurusan Sumber Manusia
	En. Asmadi b. Ab. Rahman	21.1.2008	Penolong Pengurus Pembangunan Usahawan	Penolong Pengurus Projek dan Hartanah
	Puan Nisah bt. Mat	20.1.2008	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Bahagian Pembangunan Usahawan
	Puan Hj. Noorha bt. Mohd Zain	20.1.2008	Bahagian Pembangunan Usahawan	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

PERSARAAN ANGGOTA

TUAN SEMAN KU MUDA - BERSARA WAJIB PADA 28 FEBRUARI 2008

Mula berkhidmat dengan PKINK pada 1.2.1996 sebagai Pembantu Am Rendah dan ditempatkan di Bahagian Kewangan. Disahkan ke dalam jawatan Pembantu Am Rendah - N13 mulai 1.2.1999. Setelah berada di bahagian Kewangan selama 6 tahun, mulai 14 Ogos 2002 beliau ditempatkan di Bahagian Pejabat Ketua Eksekutif sehinggalah bersara pada 28 Februari 2008 selepas berkhidmat dengan PKINK selama 12 tahun 28 hari.





Kualiti Para Sahabat

Oleh Tuan Haji Mohamed Ismail Pada 6 Januari 2008

Allah SWT tidak mengutus seorang rasul kecuali dikirim bersama-sama mereka sahabat-sahabat yang baik, sahabat yang berkualiti, sahabat yang komited. "Begitulah pembuka kata Tuan Haji Mohamed Ismail dalam tazkirah beliau membuka tirai 2008.

Bila disebut nama-nama Abu Bakar As-Sidiq, Umar Al Khatab, Uthman Bin Affan, Ali Bin Abi Thalib, Bilal Bin Rabah, Abu Ubaidah Bin Al-Jarrah, Al-Qamah, Amru Bin Ash, Sa'ad Bin Abi Waqqas, Usamah Bin Zaid Bin Haritsah dan banyak lagi, mereka ini lah nama-nama besar yang menyokong perjuangan Rasulullah menegakkan syiar Islam.

Setiap seorang sahabat Rasulullah SAW masing-masing memainkan peranan; sesuai dengan kelebihan masing-masing. Yang berharta menjadi sahabat yang dermawan dan menggunakan harta mereka untuk perjuangan Rasulullah; ada yang sebagai pengumpul wahyu, panglima perang dan pelbagai lagi. Hasil dari tingginya kualiti perjuangan serta ketaatan merekalah Allah SWT telah menjamin syurga bagi mereka.

Empat diantara sahabat Rasulullah telah menjadi khalifah iaitu Abu Bakar As-Sidiq, Umar Al Khatab, Uthman Bin Affan dan Ali Bin Abi Thalib.

Diantara 10 sahabat yang dijamin syurga, 7 dari mereka adalah dari golongan bangsawan yang kaya raya. Ada rumah penyembelihan serta mengekspot daging keluar dari Madinah, ada yang mempunyai kilang senjata (buat anak panah) dan terlibat dalam perdagangan senjata.

Ali Bin Abi Thalib adalah antara sahabat yang miskin tetapi beliau mempunyai latarbelakang dan pegangan akidah yang kuat disamping kekuatan fizikal. Beliau diberi gelaran penyangga Agama.

Umar Al-Khattab adalah sahabat yang menzahirkan keislamannya dan melakukan hijrah secara terbuka,

Zaid bin Thabit pula adalah penulis wahyu dan pernah satu masa di tahun akhir Rasulullah beliau telah khatam quran sebanyak tiga kali pada satu Ramadhan bersama Jibril.

Bilal bin Rabbah; salah seorang dari 70 ahli syuffah. Hanya fizikalnya sahaja nampak hina tetapi amalan beliau serta kekuatannya yang tetap Ahad, mengesakan Allah swt. membezakan yang zahir.

Boleh dikatakan ramai daripada sahabat Rasulullah adalah dari golongan khadam (pembantu Rasulullah). Banyak hadith-hadith disebar oleh mereka ini.

Kaitkan ke dalam organisasi dan diri kita sendiri, dari segi kelayakan akademi dilengkapi dengan proses temuduga, kita dikira sudah layak untuk berkhidmat. Hanya yang kita perlu buat adalah meningkatkan semangat juang dan melengkapkan persediaan diri disamping dikemaskan dan dipertingkatkan lagi.

Walaubagaimanapun tidak ada gunanya kalau kita tercapai hasrat objektif dari segi dunia tetapi tidak dari segi akhirat. Dunia ini adalah ladang akhirat, apa yang ditanam disini akan dituai di akhirat kelak.

Kearah itu masing-masing hendaklah memainkan peranan dan fungsi masing-masing dengan menjaga perhubungan sesama anggota tanpa ada sikap negatif seperti hasad dengki umpamanya untuk memberi sumbangan yang baik untuk melaksanakan kerja-kerja Perbadanan disamping mengambil contoh dan iktibar serta sumber inspirasi dari kekuatan para sahabat.

Jangan Jadi Pelampau

Oleh Encik Mahdi Che Muda Pada 17 Februari 2008



Dalam menghadapi sesuatu situasi akan wujud satu golongan yang dipanggil pelampau. Sebagai seorang muslim kita hendaklah berhemah dalam setiap tindakan mahupun perbincangan dan kita juga tidak perlu melampau dengan hal-hal yang boleh membawa kepada pertelingkahan tentang satu-satu isu. Ini adalah kerana sifat melampau itu dibenci Allah swt. Sebagaimana sabda Rasulullah "Manusia yang paling dikeji adalah manusia yang keras kepala tentang apa-apa hal". Oleh yang demikian amatlah perlu bagi penjawat awam supaya mengikut peraturan yang ditetapkan.

Sifat melampau mahupun keras kepala ini sedikitpun tidak dapat dimanfaatkan dalam mana-mana perhubungan sekalipun. Tidak terkecuali dalam perhubungan suami isteri mahupun antara peguam dan anak guamnya. Perkara yang membawa ke arah itu hendaklah tidak perlu dipanjangkan.

Menutup tazkirah, beliau sempat menyeru agar amalan membaca yang di warwarkan oleh Ketua Eksekutif serta amalan berzikir hendaklah dilatih dan dipupuk dikalangan anggota bagi mengisi masa lapang.



Fadhilat Membaca Bismillahir Rahmanir Rahim

Oleh Puan Azizah Mustapha Pada 20 Januari 2008

Sabda Nabi Muhammad S.A.W. yang bermaksud "Tiap-tiap pekerjaan yang penting kalau tidak dimulakan dengan Bismillahir Rahmanir Rahim, maka pekerjaan itu akan percuma".

Satu lagi sabda Nabi Muhammad S.A.W. yang bermaksud "Tiada daripada seorang hamba yang berkata Bismillahir Rahmanir Rahim melainkan hancur syaitan seperti hancur timah di dalam api".

Antara fadhilat-fadhilat membaca Bismillahir Rahmanir Rahim:

1. Ia memberatkan daun Mizan kebajikan di akhirat kelak, kerana di dalamnya ada 3 nama daripada nama-nama Allah SWT yang Maha Mulia. Apabila seseorang membaca Bismillahir Rahmanir Rahim, Allah SWT menjawab; "Telah memanggil oleh hambaku dengan dua nama lebih agung daripada satu lagi"
2. Tidak akan ditolak doa yang dimulai dengan bacaan Bismillahir Rahmanir Rahim.
3. Ia akan menutupi neraka. Telah diriwayatkan bahawa di dalam neraka ada 19 malaikat Zabaniah yang sangat taat kepada perintah Allah SWT untuk menyiksa ahli neraka. Mereka tidak ada perasaan belas kasihan atau kemahuan menolong penghuni neraka. Maka apabila kita membaca Bismillahir Rahmanir Rahim, ianya akan mengawal kita dari didekati oleh 19 malaikat Zabaniah tadi.
4. Barang siapa membaca Bismillahir Rahmanir Rahim sebanyak 21 kali sebelum tidur nescaya diamankan Allah SWT pada malam itu daripada kejahatan syaitan dan jin dan juga manusia, pencuri, terbakar api dan mati terkejut dan ditolak semua bala, Insyallah.
5. Sabda nabi Muhammad SAW yang bermaksud " Sesiapa yang membaca Bismillahir Rahmanir Rahim, disurat akan namanya daripada;
 - i. Orang Ibrar iaitu orang yang benar pada taatnya
 - ii. Orang yang lepas daripada kufur dan nifaq.

Itulah antara fadhilat-fadhilat bacaan Bismillahir Rahmanir Rahim. Oleh itu marilah sama-sama kita memperbanyakkan bacaan Bismillahir Rahmanir Rahim agar kita semua diberkati oleh Allah SWT.

Berkat Zakat Mudah Diperolehi Tapi Sukar Ditunaikan

Oleh Puan Teh Mariam Mohamed Pada 27 Januari 2008



Dalam sejarah Islam, sejak zakat diwahyukan Allah SWT pada tahun kedua hijrah, ia menjadi satu kefarduan yang diterima dengan senang hati oleh umat Islam. Apatah lagi, zakat dari sudut sosial adalah satu bentuk kebajikan. Ia adalah satu sifat kasihan belas yang mendatangkan ihsan hingga akhirnya ia disuburkan lagi oleh agama Islam dengan dijadikan satu rukun Islam.

Banyak kisah-kisah pada tahap awal Islam yang mempamerkan betapa Nabi Muhammad SAW dan para sahabat adalah pelopor kepada sifat kasihan belas dan suka menderma. Digambarkan pada zaman jahiliah dan pra-Islam, golongan kaya di Kota Mekah seringkali mengeksploitasi golongan daif. Diantara golongan miskin yang ditindas ialah keluarga Ammar bin Yasser.

Nabi Muhammad SAW telah menzahirkan rasa kasih sayangannya apabila Baginda sering memberi makanan kepada orang-orang miskin dan membantu kebajikan ibu-ibu tunggal, bahkan sifat kasihan belas nabi menjangkau kepada haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Para sahabat seperti Abu bakar, Umar al-Khattab dan Abdul Rahman bin Auf selalu bersedekah dan menderma. Abu Bakar sendiri menebus Bilal bin Rabah dengan harga beratus dinar.

Justeru itu apabila zakat di turunkan sebagai syariat, umat Islam menerimanya dan Allah SWT telah memberikan petunjuk bahawa keberkatan itu lahir daripada sesuatu dinamakan zakat.

Firman Allah SWT yang bermaksud "Dan Dia menjadikan daku seorang yang berkat dan diperintahkan daku mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selagi aku hidup".

Jadi kenapa zakat melahirkan keberkatan?, kerana apabila Allah SWT mengarahkan sesuatu syariat dilaksanakan, semestinya di sana wujud berbagai hikmah. Bersolat misalnya, menatijahkan kejayaan dari aspek disiplin diri. Hikmah Haji memberi integrasi antarabangsa. Hikmah berpuasa pula melahirkan ketaatan dan hikmah zakat pula menghasilkan kehidupan yang adil dan saksama.

Berkat pada hakikatnya adalah subjektif sifatnya. Namun kehadiran berkat dapat disaksikan oleh mata, sebagai contoh rumah tangga yang dibina aman, isteri menghormati suami, anak-anak yang menghormati ibu bapa adalah sebahagian petanda keberkatan. Petunjuk lain ialah apabila rezeki dikurniakan tidak terjadinya banyak masalah dalam kehidupan. Urusan seharian dimudahkan adalah juga petunjuk keberkatan hidup yang mungkin telah dikurniakan Allah SWT.

Firman Allah SWT yang bermaksud " Orang-orang yang menafkahkan hartanya di malam tersembunyi dan terang-terangan, dan mereka mendapat pahala disisi Tuhan mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati.

(al-Baqarah: ayat 274)

Inilah realiti berkat. Tidak susah untuk melaksanakannya namun amat sedikit melakukannya. Hanya dengan memperuntukan 2.5% dari rezeki yang dikurniakan Allah SWT, setelah ditolak pelbagai perbelanjaan sudah memadai untuk memperolehi keberkatan daripada Allah SWT.

Tujuh Sikap Yang Tidak Diterima Amalannya Oleh Allah SWT

Oleh Puan Rabiah Mamat Pada 3 Februari 2008

Kisah tentang Muaz bin Jabal menangis apabila mendengar cerita yang diceritakan oleh Nabi S.A.W tentang amal-an yang dibawa oleh Malaikat Hafazah tidak dapat diterima oleh sebab sikap perbuatan hambaNya

Allah telah menjadikan 7 malaikat, sebelum Allah menjadikan tujuh petala langit dan 7 petala bumi. Pada setiap lapisan langit ada pintunya dan pada setiap pintu ditugaskan seorang malaikat.

Apabila Malaikat Hafazah ke langit pertama membawa amal seorang hamba yang dilakukan pagi dan petang, siang dan malam, bersinar-sinar cahayanya seperti matahari. Malaikat penjaga pintu akan berkata, 'bawa kembali amal orang itu dan hampaskan ke mukanya, aku tidak akan membiarkan amal orang yang mengumpat melintasi aku ke atas'.



Apabila Malaikat Hafazah ke langit kedua membawa amal seorang hamba yang sangat bersinar-sinar cahayanya. Malaikat penjaga pintu akan berkata, 'berhenti, ambil amal orang itu dan pukulkan ke mukanya aku tidak akan membiarkan amal orang yang bersarang dengan kemegahan dunia melepasi aku, kerana dia bermegah-megah dengan amalannya kepada manusia, mencari keredhaan manusia iaitu kerana pangkat, kerana jabatan, kerana wang, kerana nama, kerana pujian dan sebagainya'.

Apabila Malaikat Hafazah yang lain ke langit ketiga membawa amal seorang hamba yang bercahaya dari amal sedekah, puasa dan sembahyang yang menakjubkan Malaikat Hafazah sendiri. Malaikat penunggu pintu akan berkata, 'berhenti, ambil amal orang itu dan pukulkan ke mukanya. Aku Malaikat pengawas sifat-sifat takbur, tidak membenarkan melintasi aku dengan perintah Allah, kerana amal dan ibadatnya mengandungi takbur, selalu takbur dalam majlis ramai.

Apabila Malaikat Hafazah yang lain ke langit keempat, membawa amal seorang hamba yang bersinar-sinar cahayanya. Sungguh hebat, berdebu-dengung bunyinya amal itu yg berisi tasbeeh, sembahyang, haji dan umrah. Malaikat penunggu pintu akan berkata, 'berhenti di sini, diperintah Allah amalannya itu dipukul ke belakang dan perutnya, kerana dia sangat ujub dengan amalannya iaitu merasa bangga kerana banyak amal.

Apabila Malaikat Hafazah yg lain ke langit kelima, membawa amal seorang hamba bagaikan berarak seorang pengantin perempuan dengan hebatnya, lalu Malaikat penunggu pintu akan berkata, 'berhenti, pukulkan amalannya itu ke muka tuannya, ke tengkuhnya dan ke bahunya, aku Malaikat pengawas sifat-sifat dengki manusia, tidak akan membenarkan orang-orang yang hasad dengki amalannya itu dinaikkan melewati aku di langit kelima ini.

Apabila Malaikat Hafazah yg lain ke langit keenam, membawa amal seorang hamba yang lain, Malaikat penunggu pintu akan berkata, 'berhenti, ambil amalannya dan palukan ke muka tuannya, kerana dia tidak bersifat rahim sesama manusia' orang ditimpa bala dia hanya suka saja melihatnya. Allah perintah kepada aku supaya jangan membiarkan amal hamba yang tidak ada sifat rahim naik ke atas.

Apabila Malaikat Hafazah yg lain ke langit ketujuh, membawa amal hamba Allah yang indah cemerlangnya, bersinar-sinar seperti matahari diiringi oleh 3 ribu malaikat, Malaikat penunggu pintu akan berkata, 'berhenti, palukan ke mukanya dan segala anggota badannya, dan tutupkan pintu hatinya dengan amalannya itu. Aku diperintahkan Allah melarang orang yang ria' iaitu menunjuk-nunjuk kepada manusia mencari pujian dari amal itu. Amalannya itu tidak ikhlas kerana Allah, iaitu ria' kepada manusia, Allah tidak melihat amal orang yg ria'.

Naik pula Malaikat Hafazah yang lain, membawa amal hamba Allah yang soleh, dari sembahyangnya, zakatnya, hajinya, umrahnya, waraknya, baik akhlaknya, berdiam diri, sentiasa dalam zikir Allah, diiringi oleh Malaikat segenap petala langit, kerana kebesaran kehebatan amalannya itu sehingga dapat melintasi tujuh lapisan pintu langit dan menembusi segala hijab yg amat jauh di atas dari langit ketujuh terus menuju ke hadirat Allah S.W.T menjadi saksi atas amal orang soleh itu kerana ikhlasnya.

Allah berfirman: kamu semua penjaga amal hamba-hamba Ku sedangkan Aku pengawas atas dirimu.. Sebenarnya amalannya bukan kerana keredhaanKu, hanya lain yg dicarinya, maka aku laknatkan ke atasnya, dan semua malaikatpun turut melaknatkan bersama Allah.

Makna Iman Dan Akidah

Oleh Tuan Haji Che Rahi Che Pa Pada 10 Februari 2008



Iman adalah merupakan kepercayaan kepada hakikat dengan secara kukuh dan inilah disifatkan sebagai akidah. Ia adalah menjadi satu asas yang amat penting di dalam kehidupan setiap insan, di mana ia mencakupi seluruh kegiatan manusia dan menjadi faktor penentu bagi kejayaan seseorang di dunia dan akhirat sama ada mukmin atau sebaliknya, ke syurga atau neraka tempat kembalinya.

Kegawatan akidah umat kini adalah berupa kepatuhan terhadap perintah dan larangan Allah tidak dilaksanakan dengan sempurna. Perkara-perkara yang menyebabkan gugurnya iman seseorang terus berlaku. Ini adalah kerana jahilnya seseorang tentang hakikat iman dan tuntutannya dalam kehidupan seharian seorang mukmin.

Kalimah iman adalah merupakan salah satu kalimah yang tidak harus ditafsirkan kecuali menurut penafsiran yang dikehendaki oleh Allah dan RasulNya. Al-Quran menerangkan kalimah iman di sekitar dua pengertian asas iaitu pertama; iman adalah membenarkan dan kedua; iman dengan makna amal atau beriltizam dengan amal.

Para ulama hadis dan fiqh pula berpendapat bahawa iman itu ialah tasdiq dengan hati, ikrar dengan lidah dan beramal dengan sekalian rukunnya. Al-Quran secara jelas menerangkan sifat-sifat orang yang beriman atau mukmin melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan RasulNya kemudian mereka tidak merasa ragu dan mereka berjihad dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah. Mereka itulah orang-orang yang benar".

(Al-Hujurat : 15)

Kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa iman itu tercipta secara padu daripada tiga perkara iaitu;

- i) kepercayaan hati,
- ii) pengakuan lidah; dan
- iii) beramal dengan segala rukun atau perintah.

Dengan itu jelaslah bahawa orang yang beriman hendaklah menjadi seorang yang beramal kerana amalnya itu membuktikan imannya. Kiranya tidak, imannya hanyalah semata-mata hiasan dan cita-cita sahaja. Justru itulah Allah SWT menyifatkan bahawa orang yang tidak beriman sepenuhnya dengan hati yang ikhlas dan disusuli dengan amal adalah sifat orang-orang munafik. Firman Allah SWT yang bermaksud;

"Dan dikalangan manusia itu ada yang mengatakan, "kami beriman dengan Allah dan hari akhirat", padahal mereka itu orang-orang yang beriman dan tidaklah mereka menipu melainkan di neraka sendiri sedangkan mereka tidak sedar".

(An-Nisa' : 142)

rujukan : Budaya kerja cemerlang melalui ubudiyah, masuliyah & itqan terbitan Bahagian PSM, PKINK



Mesyuarat Agung KSK PKINK kali ke 27

Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK (KSK PKINK) telah mengadakan mesyuarat agungnya kali yang ke 27 pada 5 Februari 2008 bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK. Mesyuarat kali ini melibatkan pemilihan Ahli Jawatankuasa yang baru untuk penggal 2008 - 2009.

Mesyuarat Agung ini telah dirasmikan oleh Tuan Ketua Eksekutif PKINK. Semasa ucapan perasmianya, beliau menekankan betapa pentingnya perpaduan dan kerjasama di kalangan ahli bagi menjayakan setiap program berjalan lancar. Ahli jawatankuasa yang baru dilantik bertanggungjawab di dalam merangka dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancang di samping meneruskan aktiviti-aktiviti yang telah sedia ada. Ahli Jawatankuasa juga disarankan agar menambah bilangan keahlian di kalangan anggota-anggota syarikat anak.

Ahli jawatankuasa yang baru dilantik ialah.

Yang Dipertua	: Mohd Adilan Mat Jusoh
Naib Yang Di Pertua	: Haji Nik Mohamed Kamal Nik Yusoff
Setiausaha Kehormat	: Tg Petra Tg Wook
Penolong Setiausaha	: Haji Ahmad Farid Mahmud
Bendahari	: Nor Azuwan Saleh
Ahli Jawatankuasa	: Ismail Shauki Ibrahim Mohd Asiff Idris Haji Mohamed Ismail Ahmad Nazri Ismail Remli Hussein Hajjah Ahlaami Abdul Halim
Penyimpan Kira-kira	: Mohd Rozi Mohd Noor Zainul Amin Mat Zin



BERSYUKUR

Oleh Enok Wan Hussin Wan Ismail Pada 24 Februari 2008

Nikmat yang dianugerah kepada kita sebagai manusia boleh dinilai dalam dua aspek yang bertalian iaitu dari segi spiritual (batin) dan juga fizikal (zahir). Kedua-duanya adalah seiring dan saling menyokong antara satu sama lain. Syukur yang utama patut dipanjatkan adalah syukur dianugerah nikmat sebagai manusia yang telah dilahirkan dalam Islam. Ini adalah kerana sebagai muslim Allah swt telah menjaminkan syurga di akhirat kelak. Bersyukur kerana diberi keimanan kerana dengan iman yang ada itulah kita tetap dalam Islam. Melalui ceramah-ceramah dan tazkirah juga diharapkan keimanan kita akan semakin menebal dari hari ke hari.


Dari sudut fizikalnya pula kita haruslah bersyukur kerana diberi tubuh badan yang sihat untuk membolehkan kita terus berkhidmat sebagai penjawat awam serta beramal. Keamanan yang kita kecapi juga adalah sesuatu yang perlu kita syukuri kerana tanpa sebuah negara yang aman kita tidak akan bebas untuk ke mana-mana. Baik untuk berhibur mahupun untuk menuntut ilmu ataupun ke masjid mendirikan solat sekalipun sudah tentunya akan terjejas apabila negara tidak aman. Kita boleh lihat contoh yang berlaku di negara jiran kita Thailand. Kita juga hendaklah bersyukur dengan rezeki yang telah dikurniakan Allah SWT.

Rasulullah bersabda: "Sesungguhnya Allah menyediakan kepada sesuatu kaum itu nikmat yang kekal berada bersama dengan mereka selagi digunakan mereka untuk menunaikan hajat mereka yang memerlukan. Apabila mereka berpaling daripada berbuat sedemikian maka Allah akan memindahkan nikmat tersebut kepada kaum yang lain".

Oleh yang demikian segala nikmat yang diberi oleh Allah SWT hendaklah digunakan bertepatan dengan tujuan yang diberikan kepada kita dan seharusnya bersyukur ke atas nikmat yang telah dikurniakan.

Setiap muslim itu janganlah kedekut untuk melakukan amal kebajikan kerana segala amal perbuatannya yang dibuat kerana Allah SWT akan diberi ganjaran walau sebesar mana sekalipun amal tersebut.

Mengambil pengajaran ke atas kesusahan yang menimpa orang lain akan menerbitkan rasa bersyukur dalam diri, malahan kita hendaklah sentiasa mengingati diri kita agar nikmat yang diperolehi tidak disia-siakan atau disalahgunakan. Ini adalah kerana nikmat yang tidak disyukuri kelak akan menerima padah apabila ianya ditarik balik oleh Allah SWT.



PKINK juara sepaktakraw antara regu terbuka Kelantan Piala Ketua Eksekutif

Kota Bharu - Buat julung kalinya Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) menganjurkan Kejohanan Sepaktakraw Antara Regu Terbuka Kelantan Piala Ketua Eksekutif PKINK 2008.

Kejohanan selama 3 hari bermula 31 Januari hingga 2 Februari 2008 telah diadakan di Dewan Jubli Perak, MPKB-BRI dan perlawanan akhir dilangsungkan di pusat membeli belah KB Mall. Sebanyak 31 Regu dari dalam dan luar Kelantan termasuk 2 regu dari Selatan Thailand telah menyertai kejohanan tersebut.

Pada perlawanan akhir, regu PKINK A telah mengalahkan regu Selatan Thai B dengan kiraan mata 21-16, 21-23 dan 15-12 dalam satu perlawanan sengit yang berlangsung di ruang lega KB Mall. Sementara itu pada perlawanan menentukan tempat ketiga dan keempat, regu PKINK B berjaya menundukkan regu Selatan Thai A dengan kiraan mata 25-23 dan 21-18.

Juara kejohanan telah menggondol hadiah wang tunai RM3,000 serta piala pusingan dan trofi. Tempat kedua mendapat hadiah wang tunai RM2,000 dan trofi, manakala tempat ketiga dan keempat masing-masing mendapat hadiah wang tunai RM1,000 dan medal.

Ketua Eksekutif PKINK, Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat bagi sama-sama menjayakan kejohanan yang bertaraf Kebangsaan itu. Selaku tuan rumah PKINK merasakan bertanggungjawab di dalam sama-sama menghidup dan mengembangkan sukan sepaktakraw, lebih-lebih lagi sepaktakraw adalah begitu serasi dengan jiwa rakyat Malaysia dan Kelantan khususnya. Ini dapat dibuktikan dengan sambutan yang amat menggalakkan dari rakyat Kelantan sejak pusingan awal lagi dan lebih-lebih lagi pada perlawanan akhir ini, penonton telah memenuhi ruang legar KB Mall sejak seawal perlawanan sehingga akhir.

Hadiah-hadiah kejohanan telah disampaikan oleh YB Dato' Haji Wan Abdul Rahim Wan Abdullah, Speaker DUN Kerajaan Kelantan yang juga penaung kepada kejohanan tersebut. Turut hadir menyaksikan perlawanan akhir ini Presiden Persatuan Sepaktakraw Malaysia Datuk Ahmad bin Ismail.